



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

SESI "TOWN HALL" DIALOG BAJET MPSP 2020

OLEH

YANG BERHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L
KARPAL SINGH
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
MERANGKAP
PENGERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN, KERAJAAN
TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA

TARIKH / MASA / TEMPAT

06 APRIL 2019 (SABTU)
8.30 PAGI

THE LIGHT HOTEL
SEBERANG JAYA

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa

Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod

Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-Rakan Kongsi MPSP dari

- Pelbagai Agensi Kerajaan dan Swasta,
- *Non-Governmental Organizations (NGO)*,
- *Penang Women's Development Corporation (PWDC)* ,
- ThinkCity Sdn. Bhd.,
- Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan
- Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK)

Jurubahasa Isyarat

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Pendahuluan

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya telah memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan yang baik pada hari ini untuk berkumpul di dalam Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MPSP 2020. Terlebih dahulu, saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh kerana sudi hadir ke Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MPSP 2020 pada pagi ini.
2. Di sini, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen, Yang Berhormat ADUN, wakil-wakil agensi kerajaan dan swasta, *Penang Women's Development Corporation* (PWDC), ThinkCity, Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) kerana dapat meluangkan masa untuk hadir ke sesi ini.

3. MPSP telah merangka Pelan Strategi Seberang Perai bagi tahun 2018 hingga 2022 yang mengandungi 85 program dan 202 aktiviti yang akan dilaksanakan setiap tahun bagi mencapai **“Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif Dan Bandar Pintar Dipacu Oleh Teknologi”**.
4. MPSP juga sentiasa memastikan **“No One Should Be Left Behind”** sebagai *guiding principle* dalam pentadbiran MPSP dan ianya juga seiring dengan *Sustainable Development Goals (SDG)*, yang merupakan Agenda Baru Perbandaran atau *New Urban Agenda 2030*, khususnya *Goals 17*.
5. Pada tahun 2019, MPSP akan memperbanyakkan program sejajar dengan tema tahun ini iaitu *people centric*. Keutamaan akan diberikan kepada remaja, golongan B40 dan warga emas bagi membina masyarakat bukan sahaja mencintai alam sekitar malahan masyarakat yang menyayangi sesama insan termasuk haiwan serta tumbuh-tumbuhan.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Pengurusan Kewangan MPSP

6. Cabaran utama dalam pengurusan kewangan MPSP adalah bagaimana menguruskan sumber yang terhad berbanding keperluan

dan permintaan penduduk (*limited resources with unlimited needs and wants*). Walau bagaimana pun saya amat bersyukur kerana MPSP telah berjaya menguruskan kewangan dengan baik. *Outcome* atau hasilnya MPSP telah berjaya mengekalkan Sijil Bersih selama 17 tahun; MPSP telah berjaya mencapai taraf PBT lima (5) bintang mengikut kriteria KPKT pada tahun 2018; MPSP juga telah mendapat taraf lima (5) bintang dalam pengauditan index akauntabiliti pada tahun 2018; MPSP telah berjaya melaksanakan **Business Turnaround** iaitu dari kedudukan defisit sebenar RM24.19 juta pada tahun 2016, RM17.0 juta pada tahun 2017 kepada lebih sebenar RM13.2 juta (belum diaudit) pada tahun 2018. MPSP juga telah berjaya melaksanakan pengurusan berdasarkan standard tujuh (7) persijilan ISO serentak dan berjaya direkodkan dalam MBR sebagai agensi kerajaan yang pertama yang menerima tujuh (7) Persijilan Sistem Pengurusan Kualiti (*First Government Agency to Receive Seven Quality Management System Certification*). MPSP telah berjaya melaksanakan kitar semula dan mencatat pencapaian 47.15%, tertinggi di Malaysia.

7. Saya amat berbangga dan harus memberi penghormatan kepada sokongan kuat dari Kerajaan Negeri khususnya Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang; Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa; Ahli-Ahli Majlis; Ketua-

Ketua Jabatan; dan yang teristimewa dari anda semua yang sentiasa bersama MPSP.

8. Walau bagaimana pun kita tidak boleh selesa dengan pencapaian-pencapaian ini. MPSP menanggung amanah rakyat mengurus perbandaran terbesar di Malaysia dengan keluasan 755km persegi. Jumlah keseluruhan premis berkadar di Seberang Perai adalah 327,401 unit yang terdiri daripada kawasan perindustrian, rumah kediaman, premis perniagaan dan perdagangan, rumah kampung dan tanah. Anggaran kos perbelanjaan yang ditanggung oleh MPSP untuk tahun 2019 adalah sebanyak RM295.9 juta dan anggaran pendapatan MPSP adalah sebanyak RM271.2 juta. Kos perbelanjaan untuk seunit premis berkadar adalah sebanyak RM903.78 setahun atau RM75.32 sebulan.
9. Mentadbir satu organisasi Pihak Berkuasa Tempatan adalah sama seperti mentadbir satu badan korporat. Tujuannya adalah untuk mengurangkan kos pengurusan, meningkatkan hasil melalui daya inovasi dan kreativiti, di samping meningkatkan lagi kecemerlangan perkhidmatan kami kepada pembayar cukai.
10. Perbelanjaan MPSP boleh dikurangkan sekiranya mendapat kerjasama yang erat daripada warga Seberang Perai serta kesediaan berganding bahu menyelesaikan masalah setempat. Perbelanjaan yang dapat

dikurangkan ini dapat dimanfaatkan ke atas penyediaan kemudahan awam, infrastruktur, kawasan rekreasi, pembangunan kompleks penjaja dan sebagainya.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Gender Responsive and Participatory Budgeting

11. Majlis Perbandaran Seberang Perai telah melaksanakan Bajet Responsif Gender dan Partisipatori atau *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) sejak tahun 2012. Pelaksanaan *GRPB Penang Model* adalah untuk memastikan setiap sen yang dibelanjakan hendaklah berorientasikan rakyat dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat.

12. Ia merangkumi dialog bersama penduduk dan komuniti, pengumpulan data yang lebih sistematik yang membolehkan penilaian perbelanjaan bajet mengikut gender dan menjalankan *beneficial impact analysis* (*BIA*) selepas pelaksanaan projek atau program bagi memastikan projek atau program yang disediakan memenuhi keperluan dan kehendak penduduk Seberang Perai.

13. Dengan mengaplikasikan bajet gender, MPSP melibatkan komuniti atau wakil penduduk Seberang Perai dalam menyediakan bajet tahunan. Dengan menggunakan pendekatan ini, penduduk lebih

menghargai setiap perancangan pembangunan atau projek yang dijalankan.

Priority Based Budgeting

14. MPSP menyediakan Bajet berasaskan *priority based budgeting* atau bajet berasaskan keutamaan. Ini bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam penyampaian perkhidmatan yang diberikan kepada warga Seberang Perai. Sejak tahun 2012 sehingga kini, MPSP telah mengadakan Sesi “Town Hall” Dialog Bajet bersama komuniti.
15. Pelbagai pandangan dan cadangan telah diberi oleh wakil penduduk Seberang Perai bagi memastikan penyediaan Bajet disediakan lebih memenuhi kehendak dan keperluan penduduk Seberang Perai.
16. Sesi “Town Hall” ini juga merupakan platform untuk berinteraksi secara langsung dengan komuniti Seberang Perai. Menerusi sesi ini, MPSP mendapat pandangan sekaligus dapat menjalin kerjasama dengan komuniti Seberang Perai dalam menangani isu-isu perbandaran seperti kebersihan, perumahan, pencemaran alam sekitar, keselamatan dan lalulintas, penguatkuasaan, isu-isu banjir dan lain-lain isu perbandaran dengan lebih berkesan.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Bajet 2019

17. Di dalam Bajet 2019, MPSP memberi penekanan ke atas sepuluh (10) keutamaan seperti berikut: -

- (i) **Persekitaran Yang Selamat - RM39.44 juta** diperuntukkan untuk tahun 2019 bagi tujuan tersebut iaitu **13.3%** dari jumlah perbelanjaan;

- (ii) **Kemudahan Dan Infrastruktur Yang Berkualiti - RM38.31 juta** diperuntukkan iaitu **12.9%** dari jumlah perbelanjaan;Ini tidak termasuk dengan penggunaan Wang Sumbangan Menggantikan Penyediaan Kemudahan Awam sebanyak **RM2.12 juta** pada tahun 2019 untuk tujuan penyediaan kemudahan infrastruktur seperti naik taraf kompleks makanan dan pasar awam serta penyediaan kemudahan awam yang lain.

- (iii) Untuk **Gaya Hidup Sihat - RM36.99 juta** atau **12.5%** dari jumlah perbelanjaan diperuntukkan untuk gaya hidup sihat;

- (iv) Manakala **Pembangunan Hijau Dan Persekitaran Bersih -** diperuntukkan sebanyak **RM35.26 juta** iaitu **11.9%** dari jumlah perbelanjaan;MPSP juga akan menggunakan Wang Sumbangan

Menggantikan Kemudahan Awam (Tanah Lapang) sebanyak **RM1.6 juta** pada tahun 2019 bagi menceriakan lagi kawasan persekitaran Seberang Perai. Ini juga tidak termasuk projek-projek di bawah program “**7P’s: People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership**”.

MPSP juga membelanjakan wang dari **Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan (MARRIS - Malaysian Road Record Information Sytem)** pada tahun 2019 untuk perkhidmatan pembersihan am jalan di seluruh Seberang Perai sebanyak **RM24.59juta**.

- (v) **Penerapan Teknologi Baharu** - diperuntukkan sebanyak **RM29.99 juta** iaitu **10.1%** dari jumlah perbelanjaan;
- (vi) Bagi **Ekonomi Bandar Yang Berdaya Saing** - diperuntukkan sebanyak **RM29.09 juta** iaitu **9.8%** dari jumlah perbelanjaan;
- (vii) Untuk **Memperkukuhkan Budaya dan Warisan** - diperuntukkan sebanyak **RM27.37 juta** iaitu **9.2%** dari jumlah perbelanjaan;
- (viii) **Bandar Yang Berdaya Tahan Dan Berdaya Huni** - diperuntukkan sebanyak **RM25.49 juta** iaitu **8.6%** dari jumlah perbelanjaan. Jumlah ini tidak termasuk projek yang

menggunakan peruntukan Wang Caruman Pamaritan yang akan dipohon melalui Jawatankuasa Tebatan Banjir di peringkat Kerajaan Negeri sebanyak **RM9.93 juta**.

(ix) **Keterlibatan Komuniti** - diperuntukkan **RM17.8 juta** iaitu **6.1%** dari jumlah perbelanjaan dan

(x) **Pembangunan Bandar Yang Inklusif Dan Saksama** - diperuntukkan sebanyak **RM16.25 juta** iaitu **5.6%** dari jumlah perbelanjaan.

18. Berdasarkan jumlah peruntukan tersebut ianya menunjukkan komitmen MPSP dalam memberikan perkhidmatan yang efektif dan efisien serta kekal relevan bagi memenuhi kehendak *stakeholders*.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

“Aspirasi” Seberang Perai

19. Untuk penyediaan Bajet tahun 2020, MPSP akan mendapatkan “Aspirasi” Seberang Perai daripada penduduk bagi merealisasikan Seberang Perai agar menjadi sebuah Bandaraya Rendah Karbon dan Bandar Pintar menjelang tahun 2022.

20. Saya mengesyorkan supaya tema Bajet 2020 adalah “Kehijauan, Kebahagiaan dan Kemakmuran Seberang Perai” (*Greenery, Happiness and Prosperity Seberang Perai*) menjadi “Aspirasi” oleh penduduk yang berbilang bangsa, umur, lelaki, wanita, belia, warga emas dan orang kurang upaya untuk tahun 2020. Cadangan “Aspirasi” pada hari ini akan dibincangkan oleh pihak pengurusan MPSP untuk dimasukkan di dalam perancangan Bajet dan *Corporate Priorities* MPSP bagi tahun 2020.

Penutup

21. Sebagai Yang Dipertua MPSP, besarlah harapan saya agar penyertaan Tuan-Tuan dan Puan-Puan dalam Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MPSP 2020 ini dapat bersama-sama dengan MPSP dalam merangka pelan tindakan bagi merealisasikan cadangan “Aspirasi” penduduk Seberang Perai.

22. Saya juga berharap agar peluang ini dimanfaatkan sebaik mungkin dengan memberikan idea-idea dan cadangan-cadangan yang praktikal untuk dilaksanakan supaya Seberang Perai menjadi sebuah kawasan perbandaran yang dinamik, kondusif dan progresif pada masa kini dan terus cemerlang di masa hadapan.

23. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo

a/ Karpal Singh yang akan merasmikan program ini dan semua yang sudi hadir pada hari ini. Dengan itu, saya sudahi dengan **Wabillah Hitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**.Sekian, terima kasih.